

SOALAN NO.: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 6 MAC 2018**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :**

- a) rancangan serta kajian Kementerian berkaitan potensi minyak jatropha sebagai bahan api cecair biodiesel pada sistem pembakar berbahan api cecair memandangkan pada waktu ini Kementerian masih lagi menumpukan kepada sumber gas dan minyak dengan nilai projek berkaitan yang menjangkau RM20 bilion; dan
- b) alternatif kepada sumber bahan api sedia ada kepada sumber bahan api yang boleh diperbaharui serta kesan perkembangan industri ini kepada pengguna.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Satu kajian penilaian daya maju tanaman jatropha telah dijalankan pada 2015 oleh Lembaga Getah Malaysia bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pihak swasta bagi mengenal pasti potensi minyak jatropha sebagai bahan api cecair biodiesel. Hasil kajian menunjukkan kadar pulangan tanaman jatropha adalah rendah berbanding dengan tanaman komoditi sedia ada terutama getah dan sawit. Dalam hal ini, cadangan penggunaan jatropha sebagai sumber alternatif bahan api adalah tidak menguntungkan disebabkan kos penanaman termasuk upah pekerja, penyelenggaraan dan pembajaan adalah lebih tinggi berbanding pulangan hasil tanaman.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada ketika ini antara bahan api boleh baharu yang digunakan di seluruh negara ialah biodiesel. Biodiesel adalah bahan api alternatif yang dihasilkan daripada minyak sayuran atau lemak haiwan melalui proses kimia. Sumber utama minyak biodiesel pada masa ini adalah minyak sawit yang juga dikenali sebagai *palm methyl ester* atau PME selepas diproses. Sebagai salah sebuah negara pengeluar minyak kelapa sawit terbesar dunia, Malaysia memiliki kelebihan untuk menjadi antara negara pengeluar utama dunia minyak biodiesel berasaskan kelapa sawit.

Penggunaan minyak sawit bagi program biodiesel negara bermula pada Jun 2011 dengan Program B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum) bagi sektor pengangkutan (runcit, perikanan dan sektor lain yang diberi subsidi). Kadar adunan ini telah dipertingkatkan ke Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum) mulai November 2014 sehingga kini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Program biodiesel negara bertujuan untuk mengukuhkan permintaan kepada minyak sawit dan seterusnya menstabilkan harga minyak sawit. Ia juga sebagai langkah strategik untuk meningkatkan pertumbuhan industri hiliran minyak sawit yang memberi manfaat kepada pengukuhan pendapatan bagi kira-kira 650,000 pekebun kecil di seluruh negara.

Di samping itu, kajian saintifik telah membuktikan bahawa penggunaan biodiesel dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan memberi manfaat kepada alam sekitar dan kesihatan manusia secara keseluruhannya. Usaha ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45 peratus menjelang 2030. Sehingga kini, sebanyak lebih 1.7 juta tan PME telah digunakan sehingga Disember 2017 untuk program biodiesel negara atau pengurangan GHG kira-kira 5.1 juta tan telah dicapai sehingga kini.

Sekian, terima kasih.